

Kerajaan rancang jadikan Malaysia hab aeroangkasa

Sepang: Kerajaan merancang untuk menjadikan Malaysia sebagai hab aeroangkasa pada masa depan bersandarkan kemampuan dan keyakinan pelabur terhadap keupayaan negara.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata Malaysia tidak hanya memiliki bakat tempatan dalam bidang berkaitan, malah mempunyai lokasi tertentu untuk pembangunan ekosistem aeroangkasa.

"Aeroangkasa bukanlah perniagaan baharu kepada Malaysia kerana kita juga mengeluarkan komponen pesawat kepada syarikat utama seperti Airbus dan Boeing.

"Permintaan sudah ada dan Malaysia perlu mengambil peluang ini untuk menjadi antara hab aeroangkasa di dunia. Kerajaan akan usahakan perkara ini," katanya selepas melawat Ibu Pejabat Air Asia RedQ di sini, semalam.

Ditanya mengenai tempoh masa, Dr Mahathir berkata, ia akan diusahakan secepat mungkin kerana Malaysia perlu memanfaatkan peluang dalam industri penerbangan dan aeroangkasa.

"Terdapat banyak minat terhadap perniagaan aeroangkasa. Kita tidak hanya mampu membekalkan komponen, malah boleh memasang pesawat di sini," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berharap agar semua lapangan terbang di Malaysia dapat mengguna pakai inovasi teknologi kreatif, sejajar dengan Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0) untuk meningkatkan penyelesaian pelanggan.

"Perniagaan bukan saja perlu

memiliki pengetahuan baru, malah ia juga perlu mengambil risiko untuk menggunakan pengetahuan baru bagi menghasilkan produk dan perkhidmatan serta proses dalam meningkatkan produktiviti dan kecekapan," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau gembira melihat Air Asia sentiasa menguasai teknologi baharu dalam usaha untuk penambahbaikan dan inovasi yang berterusan.

"AirAsia menyaksikan kisah kejayaan Malaysia yang luar biasa berasaskan inovasi. Ia adalah syarikat penerbangan pertama di Asia yang menawarkan perkhidmatan penerbangan dalam talian apabila seluruh industri masih menggunakan ejen pelancongan," katanya.

Beliau menambah AirAsia juga adalah syarikat penerbangan pertama di Asia untuk memiliki aplikasi mudah alih dan menggunakan media sosial secara menyeluruh.

"Terdapat banyak minat terhadap perniagaan aeroangkasa. Kita tidak hanya mampu membekalkan komponen, malah boleh memasang pesawat di sini.

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri